



بسم الله الرحمن الرحيم

GARIS PANDUAN KELAS AL-QURAN DAN MUQADDAM DI MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA

Selasa, 04hb Ogos 2020M –

Dengan hormatnya merujuk Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 Di Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada hari Rabu, 22 Julai 2020 mengenai pembukaan semula Masjid, Surau dan Balai Ibadat seluruh negara pada tahap keempat dan langkah pengurangan kawalan.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang diadakan pada hari Jumaat di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan berjalan seperti biasa pembelajarannya bermula pada hari Jumaat, 07 Ogos 2020.

Sehubungan dengan itu, dimaklumkan pada para Ibubapa dan penjaga pada murid Kelas al-Quran dan Muqaddam akan mematuhi garispandu pelaksanaan kelas al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Garispandu Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara adalah seperti berikut:

Bagi Guru Penghubung dan Guru-Guru

- Hadir sebelum jam 8.00 pagi, bagi memantau kehadiran para murid
- Digalakkan untuk berwudhu dari rumah
- Mengambil pemeriksaan suhu badan
- Digalakkan untuk memakai sungkup muka (*Face Mask*)
- Sentiasa menjaga kebersihan dengan kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau gel pensanitasi
- Elakkan dari bersalam-salaman
- Hendaklah segara bersurai setelah semua murid balik.

M.S: 1 - 2



Bagi Murid-Murid

- Kelas akan berjalan dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
- Digalakkan untuk berwudhu dari rumah
- Para ibubapa atau penjaga hendaklah menghantar dan mengambil murid-murid di luar pintu masjid sahaja
- Mengambil pemeriksaan suhu badan
- Mencatat kehadiran di dalam buku daftar yang disediakan
- Digalakkan untuk memakai sungkup muka (*Face Mask*)
- Sentiasa menjaga kebersihan dengan kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau gel pensanitasi
- Elakkan dari bersalam-salaman
- Hendaklah segara bersurai setelah kelas berakhir.

-TAMAT-

Rujukan : KHEU/BPA/PR/OGOS/2020
Tarikh : 13 Zulhijjah 1441H / 04 Ogos 2020M

M.S: 2 - 2